



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**INDEKS DAYA HUNI MALAYSIA (iDAM) : PENGUKUR 10 BANDAR BERDAYA
HUNI TAHAP TERTINGGI 2021 DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH
PERSEKUTUAN**



Pada 18 Ogos 2022 - YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) dan menyampaikan Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahun 2021 di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya. Anugerah tersebut dinilai berdasarkan pengukuran iDAM yang merupakan instrumen pengukuran tahap daya huni dan kesejahteraan rakyat di peringkat kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Majlis ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan kepada pemegang taruh, jabatan/agensi berkepentingan serta masyarakat umum mengenai Kerangka Pengukuran iDAM yang dibangunkan berdasarkan kepada aspirasi rakyat selari dengan agenda utama Kerajaan iaitu Agenda Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan iDAM sebagai satu kaedah pengukuran berimpak tinggi bagi mengukur tahap daya huni di peringkat PBT selaras dengan Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 November 2021. iDAM juga turut dinyatakan di dalam ucapan Titah Diraja semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ke-14 2022, di mana KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga turut menzahirkan sambutan baik dengan pelaksanaan iDAM dalam menilai tahap kesejahteraan dan daya huni rakyat.

Pembentukan Kerangka iDAM adalah berasaskan kepada enam (6) kriteria utama iaitu:-

- i. Ekonomi Makmur dan berdaya saing;
- ii. Kualiti persekitaran mampan dan selamat;
- iii. Komuniti sejahtera;
- iv. Guna tanah dan penggunaan sumber yang berkesan;
- v. Infrastruktur asas berkualiti, dan
- vi. Tadbir urus bandar yang efisien.

Dalam majlis yang sama, terdapat 10 PBT telah menerima anugerah bandar berdaya huni tahap tertinggi iaitu:-

- i. Perbadanan Putrajaya
- ii. Majlis Perbandaran Kajang
- iii. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- iv. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- v. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- vi. Majlis Daerah Kampar
- vii. Majlis Daerah Kerian
- viii. Majlis Bandaraya Subang Jaya
- ix. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
- x. Majlis Daerah Rembau



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Bandar Global Berdaya Huni Tahap Tinggi yang disampaikan oleh YB Menteri KPKT. Pengukuran ini melibatkan 101 PBT yang mana sebanyak 10 PBT (9.9%) berada di tahap 'Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi', 30 PBT (29.7%) berada di tahap

'Bandar Berdaya Huni Tahap Tinggi', manakala 55 PBT (54.5%) berada di tahap 'Bandar Berdaya Huni'.

Selain itu, YB Menteri KPKT turut menyatakan bahawa KPKT melalui PLANMalaysia telah mengambil inisiatif mengumpulkan aspirasi(wish-list) di seluruh negara yang melibatkan 25,000 orang responden. Berdasarkan wish-list tersebut, 96% responden mengimpikan peningkatan pendapatan yang setara dengan kos sara hidup. Manakala 90% responden pula menyatakan hasrat untuk memiliki rumah mampu milik yang selesa dan 88% responden menyuarakan pengurangan kos harga barang bagi keperluan harian.

Beliau turut menggesa agar jalinan dan kerjasama secara utuh antara kementerian, agensi dan pihak berkuasa tempatan dalam memastikan agenda negara berdaya huni dapat dijayakan bersama secara 'cross agencies' selaras dengan penekanan kepada agenda Kerajaan Prihatin.



Indikator-indikator yang digunakan akan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa untuk disesuaikan mengikut keperluan dan dapatan data daripada pelbagai agensi terlibat. Bukan itu sahaja, kajian berterusan akan dilakukan agar indeks ini sentiasa relevan dengan pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan pentadbiran di Malaysia.

Majlis yang diadakan secara hibrid ini turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Muttalib, Timbalan Menteri KPKT, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia, Exco-exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, YB SUK Negeri / Sabah dan Sarawak, Pegawai-pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan, semua PBT Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Wakil-wakil komuniti Tempatan/Persatuan Penduduk, Institusi Pendidikan yang berkaitan dan juga Persatuan-persatuan yang berkaitan.